

**Pharmaniaga Bromhexine  
Tablet 8 mg  
(Bromhexine HCl)**

**What is in this leaflet**

1. What Pharmaniaga Bromhexine Tablet is used for
2. How Pharmaniaga Bromhexine Tablet works
3. Before you take Pharmaniaga Bromhexine Tablet
4. How to take Pharmaniaga Bromhexine Tablet
5. While you are taking Pharmaniaga Bromhexine Tablet
6. Side effects
7. Storage and Disposal of Pharmaniaga Bromhexine Tablet
8. Product Description
9. Manufacturer
10. Marketing Authorisation Holder
11. Date of Revision

**What Pharmaniaga Bromhexine Tablet is used for**

Pharmaniaga Bromhexine Tablet is used in conditions where there are a lot of thick secretions or mucus in your air passages.

**How Pharmaniaga Bromhexine Tablet works**

Pharmaniaga Bromhexine Tablet helps to clear the chest by thinning the mucus in your air passages.

**Before you take Pharmaniaga Bromhexine Tablet**

**When you must not take it**

Do not use Pharmaniaga Bromhexine Tablet if you are allergic to bromhexine or to any of the other ingredients in Pharmaniaga Bromhexine Tablet.

If you are not sure if you have these allergies, you should raise those concerns with your doctor or pharmacist.

**Before you start to take it**

Before taking Pharmaniaga Bromhexine Tablet, you must tell your doctor or pharmacist if you have, or have had, any of the following conditions:

- Allergy to bromhexine,
- Stomach ulcers,
- Liver problems,
- Kidney problems.

If you are not sure if you have, or have had, any of these conditions, you should raise those concerns with your doctor or pharmacist.

**Taking other medicines**

You should always tell your doctor if you are taking or have recently taken any other medicines including those obtained without a prescription.

**How to take Pharmaniaga Bromhexine Tablet**

**How much to take**

Always take Pharmaniaga Bromhexine Tablet exactly as your doctor has told you. You should check with your doctor or pharmacist if you are not sure.

The recommended doses for adults and children are stated below:

Adult & children over 10 years: 1-2 tablets, 3 times daily

Children 5-10 years: ½ tablet, 3 times daily

Doctors sometimes prescribe different doses to these. The label on the pack will tell you which dose you should take. If you are still not sure, ask your doctor or pharmacist.

**When to take it**

Your doctor will tell you when to take it. Read the label to follow exactly what your doctor has told you. Try to take Pharmaniaga Bromhexine Tablet at the same time each day.

**How long to take it**

Keep taking Pharmaniaga Bromhexine Tablet for as long as your doctor recommends.

Always continue with the course even if you feel better. If your conditions get worse or you do not start to feel better within a few days, go back and see your doctor.

If you forget to take it

If you forget to take Pharmaniaga Bromhexine Tablet take it as soon as you can. Take your next dose at the right time. Do not take a double dose to make up for a forgotten dose.

If you take too much (overdose)

If you take more Pharmaniaga Bromhexine Tablet than you should, tell a doctor or go to a hospital straight away.

Take the medicine pack with you. This is so the doctor knows what you have taken. If you take too much Bromhexine, it is likely that you will get an upset stomach (gastrointestinal disturbance).

**While you are using Pharmaniaga Bromhexine Tablet**

Things you must do

Talk to your doctor before taking this medicine if:

- You are pregnant, might become pregnant or think you may be pregnant. This medicine should not be taken during the first three months of your pregnancy.
- You are breast-feeding or planning to breast-feed.

Ask your doctor or pharmacist for advice before taking any medicine if you are pregnant or breast-feeding.

Things you must not do

Do not give Pharmaniaga Bromhexine Tablet to anyone else, even if they have the same condition as you.

Do not take Pharmaniaga Bromhexine Tablet to treat any other complaints unless your pharmacist or doctor tells you to.

Do not take more than the recommended dose unless your pharmacist or doctor tells you to.

Things to be careful of

Special care is recommended during pregnancy. The benefits of Pharmaniaga Bromhexine Tablet must be assessed against possible effects on your child.

**Side effects**

You should be aware that all medicines carry some risks and that all possible risks may not be known at this stage despite thorough testing.

Ask for the advice of your doctor or pharmacist if you have any concerns about the effects of taking Pharmaniaga Bromhexine Tablet.

Occasional, side effects from Pharmaniaga Bromhexine Tablet include:

- Nausea,
- Vomiting
- Diarrhoea,
- Indigestion

Tell your doctor or pharmacist as soon as possible if you experience any side effects during or after taking Bromhexine, so that these may be properly treated.

In addition, unexpected effects, not listed above, can occur with any medicine.

When you take Bromhexine, you may notice an increase in mucus from your air passages. This is common when you take Pharmaniaga Bromhexine Tablet and is due to the way Bromhexine works.

**Storage and Disposal of Pharmaniaga Bromhexine Tablet**

Storage

Keep all medicines out of the sight and reach of children

Do not take this medicine after the expiry date stamped on the pack.

Store below 25°. Protect from light.

Disposal

Medicines should not be disposed of via wastewater or household waste. Ask your pharmacist how to dispose of medicines no longer required. These measures will help to protect the environment.

## **Product Description**

### *What it looks like*

Green, round, flat, beveled edge tablet, 8 mm in diameter with Pharmaniaga icon on one side and scoreline on the other.

### *Ingredients:*

#### **Pharmaniaga      Bromhexine**

**Tablet 8 mg** contains Bromhexine hydrochloride 8 mg, Magnesium stearate, Brilliant blue lake, Quinoline yellow lake, lactose and Corn starch.

### *MAL NO:*

MAL20000230X

### **Manufacturer:**

Pharmaniaga      Manufacturing Berhad (60016-D),  
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

### **Marketing      Authorisation**

#### **Holder:**

Pharmaniaga      Manufacturing Berhad (60016-D),  
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Date of revision: 21 January 2013

**Pharmaniaga Bromhexine  
Tablet 8 mg  
(Bromhexine HCl)**

**Kandungan risalah ini**

1. Apakah kegunaan Pharmaniaga Bromhexine Tablet
2. Bagaimana Pharmaniaga Bromhexine Tablet berfungsi
3. Sebelum pengambilan Pharmaniaga Bromhexine Tablet
4. Cara Pengambilan Pharmaniaga Bromhexine Tablet
5. Semasa pengambilan Pharmaniaga Bromhexine Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Penyimpanan dan Pelupusan Pharmaniaga Bromhexine Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang Pendaftaran
11. Tarikh kemaskini risalah

**Apakah kegunaan Pharmaniaga Bromhexine Tablet**

Pharmaniaga Bromhexine Tablet diambil apabila terdapat banyak lendir pekat atau mukus di dalam saluran udara sistem pernafasan anda.

**Bagaimana Pharmaniaga Bromhexine Tablet berfungsi**

Pharmaniaga Bromhexine Tablet membantu melapangkan dada dengan mencairkan mukus di dalam saluran udara sistem pernafasan anda.

**Sebelum pengambilan Pharmaniaga Bromhexine Tablet**

**Bila tidak boleh mengambil**

Jangan gunakan Pharmaniaga Bromhexine Tablet sekiranya anda alah kepada bromhexine atau sebarang ramuan lain yang terkandung dalam Pharmaniaga Bromhexine Tablet.

Jika anda tidak pasti sama ada anda mengalami alahan-alahan ini, anda sepatutnya bertanya doktor anda atau ahli farmasi.

**Sebelum anda mula mengambil**

Sebelum mengambil Pharmaniaga Bromhexine Tablet, anda hendaklah memberitahu doktor anda atau ahli farmasi sekiranya anda mengalami, atau pernah mengalami, sebarang keadaan berikut:

- Alahan kepada bromhexine,
- Ulser perut,
- Masalah hati,
- Masalah buah pinggang.

Jika anda tidak pasti sama ada anda mengalami, ataupun pernah mengalami, sebarang keadaan ini,

anda sepatutnya bertanya doktor anda atau ahli farmasi.

**Pengambilan ubat lain**

Anda hendaklah sentiasa memberitahu doktor anda jika anda mengambil atau baru-baru ini mengambil sebarang ubat lain termasuk ubat yang diperolehi tanpa preskripsi.

**Cara Pengambilan Pharmaniaga Bromhexine Tablet**

**Berapa banyak perlu diambil**

Pharmaniaga Bromhexine Tablet perlu diambil sebagaimana yang disarankan oleh doktor anda. Dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi sekiranya anda tidak pasti mengenainya.

Dos yang disyorkan untuk orang dewasa dan kanak-kanak adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

Orang dewasa & kanak-kanak berusia melebihi 10 tahun: 1-2 tablet, 3 kali sehari

Kanak-kanak 5-10 tahun: ½ tablet, 3 kali sehari

Kadang-kadang doktor menetapkan dos yang berbeza untuk peringkat umur ini. Label pada pek menyediakan maklumat mengenai dos yang perlu diambil. Sekiranya anda masih tidak pasti, dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi.

### Bila perlu diambil

Doktor anda akan memberitahu anda bila perlu mengambilnya. Baca label untuk mengikut arahan doktor anda dengan betul. Seboleh-bolehnya, ambil Pharmaniaga Bromhexine Tablet pada waktu yang sama setiap hari.

### Berapa lama perlu diambil

Teruskan pengambilan Pharmaniaga Bromhexine Tablet selagi doktor anda mengesyorkannya.

Teruskan juga pengambilan walaupun anda berasa sudah sihat. Sekiranya keadaan anda bertambah teruk atau tidak menunjukkan tanda-tanda makin pulih dalam masa beberapa hari setelah pengambilannya, jumpa doktor anda semula.

### Jika terlupa mengambil

Sekiranya anda terlupa mengambil Pharmaniaga Bromhexine Tablet, makan ubat tersebut sesegera yang boleh. Ambil dos anda yang berikutnya pada masa yang betul. Jangan ambil dos berganda sebagai ganti dos yang anda terlupa ambil.

### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Sekiranya anda mengambil Pharmaniaga Bromhexine Tablet lebih daripada yang sepatutnya, maklumkan kepada doktor atau terus pergi ke hospital.

Bawa bungkus ubat bersama anda. Tujuannya ialah supaya doktor anda mengetahui jenis ubat yang anda ambil. Sekiranya anda terlebih ambil Bromhexine, kemungkinan besar anda akan berasa sakit perut (gangguan gastrousus).

### Semasa Pengambilan Pharmaniaga Bromhexine Tablet

#### Perkara yang perlu dilakukan

Berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini sekiranya:

- Anda hamil, mungkin menjadi hamil atau merasakan anda mungkin hamil. Ubat ini tidak harus diambil semasa tiga bulan pertama kehamilan anda.
- Anda menyusui bayi atau merancang untuk menyusui bayi.

Dapatkan nasihat daripada doktor anda atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat sekiranya anda hamil atau menyusui bayi.

#### Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan beri Pharmaniaga Bromhexine Tablet kepada orang lain, walaupun mereka mengalami masalah yang sama seperti anda.

Jangan ambil Pharmaniaga Bromhexine Tablet untuk

merawat sebarang penyakit lain melainkan ahli farmasi atau doktor anda menasihati anda agar berbuat demikian.

Jangan ambil lebih dari dos yang disyorkan melainkan ahli farmasi atau doktor anda menyuruh anda berbuat demikian.

#### Perkara yang perlu diawasi

Perhatian khas disyorkan ketika hamil. Faedah-faedah Pharmaniaga Bromhexine Tablet hendaklah dinilai bagi menentukan jika terdapat kemungkinan memberi kesan terhadap anak anda.

#### Kesan-kesan sampingan

Semua ubat ada risiko kesan sampingan dan tidak semua risiko dapat diketahui pada masa ini walaupun ujian yang teliti telah dijalankan.

Dapatkan nasihat doktor anda atau ahli farmasi sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan tentang kesan pengambilan Pharmaniaga Bromhexine Tablet.

Antara kesan sampingan yang kadang-kadang terjadi daripada pengambilan Pharmaniaga Bromhexine Tablet ialah:

- Rasa loya,
- Muntah,
- Cirit-birit,
- Ketakcernaan.

Beritahu doktor anda atau ahli farmasi secepat mungkin sekiranya

anda mengalami sebarang kesan sampingan semasa atau selepas pengambilan Bromhexine, supaya anda dapat dirawat dengan betul.

Selain itu, kesan sampingan yang tidak dapat dijangka yang tidak disenaraikan di atas, boleh juga berlaku akibat daripada pengambilan sebarang ubat.

Apabila anda mengambil Bromhexine, anda mungkin menyedari bahawa mukus bertambah di dalam saluran udara sistem pernafasan anda. Keadaan ini biasa berlaku apabila anda mengambil Pharmaniaga Bromhexine Tablet kerana itu cara bagaimana Bromhexine bertindak.

### **Penyimpanan dan Pelupusan Pharmaniaga Bromhexine Tablet**

#### **Penyimpanan**

Pastikan semua ubat tidak dapat dilihat dan dicapai oleh kanak-kanak.

Jangan ambil ubat ini sekiranya telah melepasi tarikh luput yang dicetak pada bungkusannya.

Simpan di tempat yang bersuhu bawah 25°. Lindungi daripada pancaran cahaya.

#### **Pelupusan**

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat

daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

### **Maklumat Lanjut**

#### **Rupa ubat**

Tablet bulat, rata, berhujung serong yang berwarna hijau, diameter 8 mm dengan ikon Pharmaniaga pada satu bahagian dan garis belahan pada bahagian yang sebelah lagi.

#### **Ramuan:**

**Pil Bromhexine Pharmaniaga 8 mg** mengandungi Bromhexine hydrochloride 8 mg, Magnesium stearate, Brilliant blue lake, Quinoline yellow lake, Lactose dan Corn starch.

#### **NO. MAL:**

MAL20000230X

#### **Pengilang:**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),  
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

#### **Pemegang Kebenaran**

#### **Pemasaran:**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),  
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini risalah:

21 Januari 2013